

Headline	TNB terpaksa henti tugas pencawang		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	10
ArticleSize	191 cm ²	Journalist	NORHAHZA MUSA
PR Value	RM 7,284		



TNB terpaksa henti tugas pencawang

NORHAHZA MUSA

KUALA TERENGGANU- Tenaga Nasional Berhad (TNB) terpaksa menghentikan tugas kebanyakan pencawang di Kemaman kerana ditenggelami air termasuk pencawang ke menara komunikasi berikutan banjir di daerah itu baru-baru ini.

Pengurus (Perkhidmatan Pengguna dan Pemasaran), Bahagian Pembahagian TNB, Omar Abdul Rahman berkata, terdapat 140 pencawang komunikasi di Kemaman, yang mana satu per tiga daripadanya ditenggelami air manakala satu per tiga lagi dihentikan tugas.

Menurutnya, henti tugas itu terpaksa dilakukan oleh TNB atas faktor keselamatan awam.

"TNB prihatin atas kesulitan yang dialami penduduk di kawasan yang terlibat dengan bencana dan usaha telah dilakukan untuk memberi bekalan elektrik



melalui 28 unit genset yang dibekalkan di daerah itu.

"Pemulihan bekalan ke kawasan yang terlibat pula sedang diusahakan secara berperingkat dan sebahagiannya telah diberi-

kan bekalan elektrik mulai 6 Disember lalu," katanya dalam satu kenyataan kepada *Sinar Harian*.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan kelewatan penghantaran bantuan daripada pasukan penyelamat di beberapa lokasi banjir pada tahun ini bukan sesuatu yang disengajakan, sebaliknya disebabkan oleh beberapa halangan yang tidak dapat dielakkan.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim berkata, antara halangan tersebut ialah gangguan bekalan elektrik selain kesukaran untuk berhubung melalui telefon.

Katanya, halangan lain yang turut menjurus kepada kelewatan berkenaan ialah jalan menuju ke tempat penghantaran bantuan yang terpaksa ditutup berikutan air naik dan kenderaan tenggelam akibat banjir yang dialih dan diletakkan di bahu jalan.